

BAB V

KOMUNIKASI DAN PEMBINAAN PERADABAN ISLAM

5.0 PENDAHULUAN :

Komunikasi, sama ada secara langsung atau tidak langsung, telah memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan serta perkembangan Peradaban Islam. Komunikasi dakwah yang diamalkan oleh setiap individu Muslim, secara disedari atau sebaliknya, telah banyak menyumbang ke arah keutuhan Peradaban Islam.

Kajian komunikasi dan dakwah tidak dapat mengelak daripada perbincangan mengenai kepimpinan. Hubungan antara komunikasi dan kepimpinan terserlah daripada beberapa aspek seperti penglibatan individu, fungsi mempengaruhi, tanggungjawab akhlak serta matlamat yang sama. Atas dasar tersebut juga, komunikasi dakwah akhirnya melahirkan pemimpin yang turut berfungsi sebagai agen perubahan dalam komunitinya.

Diskusi, merupakan salah satu metod dalam komunikasi dakwah dan jalan ke arah mencapai suatu keputusan bagi sesuatu persoalan. Diskusi juga seringkali dikaitkan dengan syura ataupun musyawarah dalam perbincangan komunikasi dan kepimpinan. Melalui diskusi dan syura serta beberapa elemen lain, integrasi ummah yang telah sekian lama terungkai dapat diusahakan kembali. Peradaban Islam sentiasa memerlukan umatnya yang bersatu padu agar perkembangan dan kesinambungannya dapat diteruskan.

5.1 KOMUNIKASI DAN KEPIMPINAN DALAM ISLAM :

Komunikasi adalah salah satu unsur utama yang diperlukan dalam sesebuah kepimpinan. Komunikasi dakwah yang menjadi tanggungjawab setiap individu Muslim merupakan sebahagian daripada tanggungjawab yang perlu dimiliki dan dilaksanakan oleh seseorang pemimpin dalam kepimpinannya. Pemimpin yang turut bertindak sebagai penyampai dalam sesebuah proses komunikasi, secara sedar atau tidak, merupakan agen perubahan dalam sesebuah komuniti atau institusi.

5.1.1 HUBUNGAN ANTARA KOMUNIKASI DAN KEPIMPINAN DALAM ISLAM :

Kepimpinan dan komunikasi mempunyai hubungan serta pertalian yang sangat rapat. Malah dikatakan bahawa tiada kepimpinan tanpa komunikasi. Komunikasi amat berperanan dalam menentukan kejayaan serta keberkesanan sesebuah kepimpinan. Seorang pemimpin yang berjaya adalah seorang yang mempunyai kemahiran berkomunikasi secara efektif. Justeru, tanpa komunikasi yang baik, sesebuah kepimpinan akan menjadi lemah dan tidak berjaya. Malah, adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kepimpinan adalah komunikasi (*Leadership is communication*) (Toto Tasmara 1987 : 81).

Secara umumnya, hubungan antara komunikasi dan kepimpinan dalam Islam dapat dilihat melalui empat aspek utama iaitu penglibatan individu, fungsi mempengaruhi pihak lain, tanggungjawab akhlak, dan matlamat atau objektif kedua-duanya. Ia menjadikan komunikasi tidak dapat dipisahkan daripada kepimpinan.

Seperti juga komunikasi, kepimpinan dalam perspektif Islam, merupakan tanggungjawab setiap individu, sekurang-kurangnya pada peringkat diri sendiri. Menurut Ishak Mohd Rejab (1985 : 5), setiap seorang manusia yang mukallaf mempunyai tugas kepimpinan. Perkara tersebut dapat dilihat dengan jelas melalui sabda Baginda SAW dalam sebuah hadis :

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْؤُلٌ عَنْ رِعْيَتِهِ فَالْأَمْرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْؤُلٌ

عَنْ رِعْيَتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهُوَ مَسْؤُلٌ عَنْهُمْ وَالمرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ

بَعْلِهَا وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْؤُلَةٌ عَنْهُمْ وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْؤُلٌ عَنْهُ إِلَّا

فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْؤُلٌ عَنْ رِعْيَتِهِ

(Muslim, *Sahih*, Kitab (33), Bab (5 : 1829), 1990: 12 : 213)

Bermaksud : "Tiap seorang daripada kamu adalah pemimpin (penjaga) dan kamu bertanggungjawab kepada pimpinan kamu (rakyat atau orang yang dibawah jagaannya), imam adalah pemimpin dan bertanggungjawab kepada pimpinannya, lelaki adalah pemimpin dan bertanggungjawab kepada pimpinannya, orang perempuan adalah pemimpin dalam rumah tangga suaminya dan bertanggungjawab kepada pimpinannya, hamba adalah pemimpin harta tuannya dan bertanggungjawab kepada pimpinannya, dan setiap kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab kepada pimpinan kamu "

Kepimpinan dalam kebanyakan kajian dari perspektif Islam dan Barat, lebih menekankan interaksi yang terjalin antara dua pihak iaitu pemimpin dan pihak yang dipimpin. Justeru, perbincangan mengenai konsep-konsep *rtaasah*, *imamah* dan

khilafah dalam hubungannya dengan *siyasah*, *qiyadah* serta *idarah* seringkali diutarakan ketika membicarakan tentang kepimpinan dalam Islam.

Manakala dalam perbincangan mengenai kepimpinan di kalangan para sarjana Barat teori-teori kepimpinan seperti Teori Sifat (*Trait Theory*), Teori Gelagat (*Behavioral Attitudinal Theory*), Teori Kontigensi (*Contingency/Situational Theory*) dan Teori Sistem Sosial (*Social System Theory*) telah dikemukakan (Yusof Ismail 1991 : 242-245).

Klasifikasi tersebut adalah bertolak daripada pengelasan kepimpinan kepada dua bentuk iaitu “ kepimpinan bersemuka ” (*face to face leadership*) dan “ kepimpinan jarak jauh ” (*remote leadership*) (Aminuddin Mohd Yusof 1990 : 4). Biar apa pun sifatnya, kepimpinan tidak dapat lari daripada dua pihak tersebut (pemimpin dan yang dipimpin), sekalipun ianya berlaku pada peringkat diri sendiri.

Sekalipun perbincangan mengenai kepimpinan telah diadakan secara meluas dan mencakupi aspek-aspek yang lebih terperinci, namun perbincangan dalam bab ini adalah bersifat umum, iaitu pemimpin sebagai penyampai dalam ses sebuah proses komunikasi yang seterusnya menjadi agen perubahan dalam ses sebuah komuniti. Melalui hubungan tersebut, akan dapat dilihat perkaitan rapat antara komunikasi dan kepimpinan.

Hubungan erat antara kepimpinan dan komunikasi juga dapat dilihat melalui definisi kepimpinan yang diberikan oleh Tannenbaum, Weshler dan Massarik, dipetik oleh Yukl (1981 : 2) dalam bukunya *Leadership in Organizations*, iaitu :

“ Kepimpinan adalah pengaruh antara perseorangan, yang dilaksanakan dalam sesuatu situasi, dan diarahkan, melalui proses komunikasi, ke arah pencapaian matlamat atau matlamat-matlamat khusus ”.

Fleishman (1973 : 3) juga memberikan definisi yang hampir sama bagi kepimpinan, dalam tulisannya *Twenty Years of Consideration and Structure*, iaitu :

“ Kepimpinan adalah usaha ke arah pengaruh antara perseorangan, yang diarahkan melalui proses komunikasi, ke arah pencapaian matlamat atau beberapa matlamat ”.

Kepimpinan turut ditakrifkan sebagai usaha untuk mempengaruhi individu atau sekumpulan individu untuk menjalankan sesuatu tugas serta mencapai sesuatu matlamat dengan pada ketika yang sama memberi kepuasan kepada orang-orang yang dipimpin (Rozhan Othman 1990 : 99).

Definisi-definisi tersebut menjelaskan bahawa kepimpinan merupakan aspek utama yang mempengaruhi tindak-tanduk manusia untuk melaksanakan sesuatu tugas.

Hakikat tersebut diakui oleh Rogers (1969 : 180) ketika mendefinisikan kepimpinan. Menurutnya :

“ Leadership is commonly defined as the ability to influence other people's behaviour in a desired way ”.

Kepimpinan, menurut Cherington (1989 : 653) pula, sekurang-kurangnya membawa tiga makna : kedudukan dalam organisasi, watak, dan satu bentuk gelagat yang melaluinya seseorang mempengaruhi orang lain. Ini bermakna setiap orang boleh menjadi pemimpin.

Berdasarkan pelbagai definisi kepimpinan yang telah dikemukakan, Stogdill dan Bass (Aminuddin Mohd Yusof 1994 : 12) telah mencadangkan bahawa terdapat tidak kurang daripada sebelas makna dapat diberikan kepada konsep kepimpinan iaitu:

1. Sebagai fokus proses kelompok
2. Sebagai personaliti dan kesannya
3. Sebagai tindakan memujuk kepatuhan (*an act of inducing compliance*)
4. Sebagai pengenaan pengaruh (*an exercise of influence*)
5. Sebagai tindakan (*act*) atau tingkah laku (*behaviour*)
6. Sebagai satu bentuk pemujukan (*a form of persuasion*)
7. Sebagai hubungan kuasa (*a power relationship*)
8. Sebagai alat mencapai matlamat
9. Sebagai kesan interaksi yang muncul (*an emerging effect of interaction*)
10. Sebagai peranan terbeza (*a differentiated role*)
11. Sebagai pendayautamaan struktur (*Initiating structure*)

Bertolak daripada kenyataan tersebut, ternyata komunikasi dan kepimpinan mempunyai kesalingan serta perkaitan yang amat rapat, iaitu dari sudut mempengaruhi pihak lain yang terlibat dalam sesebuah proses komunikasi dan kepimpinan.

Oleh kerana kepimpinan adalah tanggungjawab setiap individu mukallaf, maka setiap pemimpin perlu memiliki aqidah dan akhlak yang murni agar tanggungjawab kepimpinan dapat dilaksanakan sebaiknya. Para sarjana Muslim telah menggariskan pelbagai sifat dan akhlak yang perlu dimiliki oleh seseorang pemimpin dalam perspektif Islam.

Al-Ghazali (Umaruddin M. 1962 : 50), al-Mawardi (1996 : 11-12), al-Farabi (Idris Zakaria 1986 : 124-128) dan lain-lain sarjana Muslim telah menyarankan sifat-sifat yang perlu diamalkan oleh seseorang pemimpin bagi mencapai kesempurnaan kepimpinan. Mustafa Masyhur (1987) pula telah menggariskan 20 sifat dan akhlak pemimpin Islam iaitu ; ikhlas kepada Allah, bijaksana, tidak mudah marah, lemah lembut, berani, benar, rendah diri, memaafkan, menepati janji, sabar, suci hati (*iffah*), warak dan zuhud, jauh daripada mengangkatkan diri, memelihara perkara-perkara yang dimuliakan Allah, sejahtera hati, dan optimis.

Senarai-senarai yang dikemukakan oleh para sarjana terdahulu serta penulis baru Islam tentang tingkah laku dan sifat kepimpinan ini, menurut Aminuddin Mohd Yusof (1990 : 71), biasanya terlalu panjang dan mencakupi ruang lingkup tingkah laku yang terlalu luas sehingga menyukarkan untuk ditarik satu kesimpulan atau dikategorikan dengan cara yang bermakna.

Satu kesimpulan umum yang dapat dibuat tentang sifat-sifat ini ialah bahawa seorang pemimpin Islam haruslah bersifat dan bertingkah laku seperti seorang Muslim sejati. Penekanan utamanya ialah aspek moral dan akhlak individu itu. Hal yang sama turut dititik-beratkan dalam perbincangan komunikasi Islam.

Mesej dalam sesebuah komunikasi Islam adalah terikat dengan segala yang diperintah oleh Allah dan apa yang dilarang olehNya atau dengan kata lain, hendaklah bertepatan dengan segala ajaran yang dibawa oleh al-Quran dan al-Sunnah. Ini bermakna, ianya meliputi segenap aspek kehidupan manusia sehingga Islam menjadi cara hidup manusia.

Keadaan yang serupa berlaku dalam bidang kepimpinan. Mesej yang dibawa oleh kepimpinan Islam, menurut Yusof Ismail (1991 : 221) adalah sama seperti komunikasi Islam lantaran objektif kepimpinan Islam ialah mengajak kepada *ma'aruf* dan mencegah daripada *mungkar*, yang merupakan sebahagian daripada tuntutan al-Quran serta al-Sunnah.

Muhammad Asad (1980 : 33) telah menyatakan bahawa tujuan kepimpinan ialah mewujudkan masyarakat yang menegakkan kesaksamaan dan keadilan, untuk kebenaran dan mencegah kemungkaran. Hakikat ini dapat diselami melalui firman Allah yang bermaksud :

“ Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) ...”

(al-Imran 3 : 110)

A-Quran dan al-Sunnah mengajak serta memandukan manusia ke arah *ma'aruf* (kebaikan) dan menjauhi *mungkar* (kemaksiatan). Ajakan dan panduan tersebut adalah bertujuan untuk membentuk kehidupan masyarakat yang menjadikan Islam sebagai satu cara hidup.

Dalam konteks ini, kepimpinan yang bergandingan dengan dakwah dan komunikasi Islam amat berperanan dalam merealisasikan Islam dalam kehidupan manusia. Peradaban Islam menjadi kukuh apabila umatnya menjadikan Islam sebagai cara hidup yang meliputi segenap aspek kehidupan mereka.

5.1.2 PENDAKWAH (PENYAMPAI) SEBAGAI PEMIMPIN :

Setiap pemimpin adalah juga komunikator (penyampai). Ini kerana, setiap pemimpin perlu berinteraksi dengan komunitinya, dan interaksi tersebut hanya dapat dilakukan melalui komunikasi. Pemimpin perlu menyampaikan mesej-mesej kepada komunitinya, dan ianya juga dilakukan melalui komunikasi.

Pendakwah (penyampai) dalam konteks komunikasi dakwah perlu menganggap dirinya sebagai pemimpin bagi komunitinya. Manakala pemimpin pula, perlu melaksanakan tanggungjawab dakwah dan khilafah yang telah diamanahkan oleh Allah kepadanya.

Pendakwah (penyampai) atau pemimpin amat berperanan dalam mempengaruhi pihak yang didakwah (*mad'uu*) atau dipimpin (penerima). Ini kerana komunikasi dakwah melibatkan kepimpinan dan kepimpinan pula merupakan proses mempengaruhi kegiatan-kegiatan individu atau kumpulan dalam usaha mencapai matlamat (*goal*) dalam sesuatu keadaan (Hersey, P. et al. 1988 : 86).

Namun begitu, tugas utama pendakwah (penyampai) atau pemimpin dalam Islam bukanlah “ mempengaruhi ” (*to influence*) seperti yang diterangkan oleh kebanyakan sarjana (khususnya sarjana Barat), tetapi sebaliknya untuk menegakkan Ummah dan melaksanakan sistem kehidupan Allah menurut nilai-nilai Islam. Dalam proses ini, akhlak pemimpin tidak dapat tidak akan memberikan kesan (dan mempengaruhi) para pengikutnya (Yusof Ismail 1991 : 224).

Kepimpinan yang dilaksanakan oleh seseorang pendakwah, menurut Toto Tasmara (1987 : 84-85), adalah berpaksikan kepada beberapa keperluan utama, antaranya :

1. Keperluan kepada ilmu pengetahuan (*the need for knowledge*)
2. Keperluan kepada peningkatan diri (*the need for achievement*)
3. Keperluan kepada pembuktian (*the need for improvement*).

Seterusnya, pendakwah perlu memiliki persiapan mental secukupnya dalam melaksanakan misi dakwah dan kepimpinannya. Antara persiapan mental tersebut ialah :

1. Kemampuan pengawalan diri (*self control*)
2. Perasaan ingin tahu yang subur (*curiosity*)
3. Kemampuan memberikan khidmat dan bekerjasama (*service and cooperation*).

Pengawalan diri adalah amat penting, terutama sekali ketika berhadapan dengan timbal balas (*feed back*) dan reaksi berbentuk negatif daripada para penerima atau pihak yang dipimpin. Kestabilan emosi terutamanya semasa berhadapan dengan apa juu keadaan adalah berkait rapat dengan kebijaksanaan pengawalan emosi. Ini seterusnya memberikan kesan ke atas para penerima atau masyarakat yang dipimpin, lantaran komunikasi dan kepimpinan juga dapat diaplikasi serta dinilai melalui pengawalan dan kestabilan emosi pendakwah atau pemimpin tersebut.

Hasil pengawalan serta kestabilan emosi juga merupakan sebahagian daripada komunikasi non verbal yang dapat dikesan melalui tindakan penyampai tersebut. Di samping itu, ianya banyak membantu pendakwah atau pemimpin membuat keputusan terbaik dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepada dirinya.

Pendakwah dan pemimpin seringkali berhadapan dengan pelbagai tentangan serta ujian dalam perlaksanaan tanggungjawabnya. Setiap tentangan dan ujian perlu dihadapi serta dilalui dengan baik melalui kebijaksanaan pengawalan dan kestabilan emosi. Dalam konteks ini, Allah telah berfirman yang maksudnya :

“ Alif Lam Miim Saad. (Al-Quran ini) sebuah Kitab yang diturunkan kepadamu (wahai Muhammad dari Tuhanmu). Oleh itu, janganlah ada perasaan bimbang dalam dadamu mengenainya, supaya engkau memberi amaran dengan Al-Quran itu (kepada orang-orang yang engkar), dan supaya menjadi peringatan bagi orang-orang yang beriman ”

(al-A’raaf 8 : 1-2), dan

“ Oleh itu bersabarlah (wahai Muhammad) akan apa yang dikatakan oleh mereka (yang menentangmu itu), dan bertasbihlah sambil memuji Tuhanmu (terutama) sebelum terbit matahari dan sebelum matahari terbenam ”

(Qaf 50 : 39)

Pendakwah atau pemimpin sepatutnya sentiasa berbicara dan bertindak berdasarkan realiti serta keperluan masyarakat penerima. Realiti dan keperluan mereka hanya dapat diketahui sekiranya wujud perasaan ingin tahu dalam diri seseorang pendakwah yang memiliki jiwa kepimpinan. Melalui perasaan dan sikap ingin tahu mengenai masyarakat yang dibimbingnya, seseorang pendakwah atau pemimpin akan sentiasa mendapatkan fakta sebenar mengenai keadaan mereka.

Seorang pendakwah yang juga seorang pemimpin, sama ada secara rasmi ataupun sebaliknya, merupakan orang yang berkhidmat untuk masyarakatnya. Pendakwah atau pemimpin turut bertindak selaku pihak yang sentiasa bekerjasama dengan komunitinya demi kebaikan bersama.

Setiap khidmat dan kerjasama yang diberikan dengan ikhlas akan menimbulkan perasaan kasih sayang dan ikatan kebatinan yang mendalam antara dirinya dengan masyarakat. Perkara tersebut telah dijelaskan oleh Allah dalam firmanNya yang bermaksud :

“... (Limpah kurnia yang besar) itulah yang Allah gembirakan (dengannya) : hamba-hambaNya yang beriman dan beramal salih. Katakanlah (wahai Muhammad) : “Aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah tentang ajran Islam yang aku sampaikan itu, (yang aku minta) hanyalah kasih mesra (kamu terhadapku) disebabkan pertalian kerabat (yang menghubungkan daku dengan kamu supaya aku tidak disakiti) ...”

(al-Syura 42 : 23)

Ikatan kasih sayang dan *mahabbah* yang wujud dalam hati manusia merupakan anugerah Allah yang amat bermakna dalam kehidupan manusia di dunia ini. Melaluinya, keamanan dan keharmonian hidup dapat berlangsung di kalangan sesama manusia, di samping mewujudkan keharmonian hubungan antara manusia dengan TuhanYa.

Kebijaksanaan pendakwah atau pemimpin memanfaatkan kewibawaan serta kredibiliti kepimpinan yang ada pada dirinya amat penting bagi menjamin perkhidmatan terbaik untuk masyarakatnya, di samping menjadi faktor utama bagi meneruskan kesinambungan kepimpinannya dalam komuniti.

Kewibawaan dan kredibiliti seseorang individu, sama ada sebagai pendakwah ataupun pemimpin, adalah juga berkait rapat dengan penggunaan kemampuan (*ability*) serta kekuasaan (*authority*) yang dianugerahkan Allah kepadanya sebagai khalifah di muka bumi ke arah yang diredhai Allah. Kedudukan sebagai khalifah tersebut merupakan tanggungjawab terbesar yang perlu dipikul oleh manusia.

Persefahaman antara pemimpin dan yang dipimpin merupakan juga tunjang sesebuah kepimpinan. Justeru, pendakwah yang juga pemimpin perlu sentiasa mencari titik persefahaman antara dirinya dengan masyarakat, seterusnya memenuhi keperluan mereka dengan menggunakan kebijaksanaan (*hikmah*) agar tanggungjawab kepimpinan tersebut dapat dilaksanakan sebaiknya.

5.1.3 PENDAKWAH (PENYAMPAI) SEBAGAI PEMIMPIN DAN AGEN PERUBAHAN :

Pendakwah yang juga pemimpin berfungsi mempengaruhi para pengikut ke arah pencapaian matlamat tertentu. Dalam Islam, semua matlamat mesti tunduk kepada perintah Islam dalam semua keadaan. Justeru, pengaruh keindividuan pemimpin tidak timbul kerana pemimpin diikat oleh aqidah dan perintah yang sama. Dengan itu, mereka akan saling mempengaruhi antara satu sama lain (Yusof Ismail 1991: 226).

Namun begitu, ini tidak bererti keperibadian, akhlak, kredibiliti dan kewibawaan seseorang pendakwah atau pemimpin tidak memainkan peranan penting dalam sesebuah kepimpinan. Lantaran itu, kajian mengenai komunikasi dan kepimpinan seringkali lebih menekankan persoalan-persoalan tersebut, terutama sekali

dengan kedudukan pendakwah atau pemimpin sebagai agen perubahan dalam komunitinya.

Seseorang pendakwah atau pemimpin yang sentiasa melakukan proses komunikasi dengan masyarakatnya, merupakan salah satu unsur atau agen penting dalam membina perubahan bagi sesebuah komuniti. Mesej-mesej yang disampaikan dan tindakan-tindakan yang diambil oleh seseorang pendakwah atau pemimpin amat berperanan dalam menjana perubahan dalam komunitinya.

Perubahan serta pembangunan rohani dan mental, menurut pandangan Islam, adalah lebih utama daripada fizikal. Ini tidak bermakna pembangunan masyarakat dari sudut fizikal tidak penting, tetapi keutamaan serta penekanan lebih merujuk kepada kerohanian. Justeru, seseorang pendakwah atau pemimpin, perlulah terlebih dahulu berusaha mewujudkan perubahan dan pembangunan rohani dalam komunitinya, seiringan dengan perubahan serta pembangunan fizikal. Melalui komunikasi yang baik, kepimpinan bersepadau (antara duniawi dan ukhrawi, spiritual dan fizikal) akan dapat mencapai fungsi sebenar kepimpinan Islam iaitu *Hirasat al-Din dan Siyasat al-Dunya* (Andek Masnah Andek Kelawa 1997 : 47).

Dalam usaha mewujudkan perubahan serta pembangunan komuniti, seseorang pendakwah atau pemimpin, sama ada secara rasmi ataupun sebaliknya, perlu menyampaikan mesej dan idea kepada komunitinya sehingga berlaku perubahan sikap atau pengukuhan terhadap sesuatu sikap. Ini menjadikan pendakwah atau pemimpin sebagai agen perubahan (*agent of change*). Toto Tasmara (1987 : 91) mendefinisikan agen perubahan atau *agent of change* sebagai :

" A change agent is a professional who influence innovation decisions in a direction deemed desirable by a change agent ".

Menurutnya lagi, maksud *influence innovation* di sini ialah usaha yang dilakukan oleh seseorang agen perubahan (*agent of change*) untuk mempengaruhi tingkah laku (*behaviour*) dari penyampainya (komunikator) sehingga tingkah laku tersebut sesuai dengan tujuan atau keinginan tertentu (Toto Tasmara 1987 : 81).

Agen perubahan tersebut sepatutnya memberikan kesan ke atas tingkah laku komunitinya dan perubahan tersebut dapat dilihat atau diukur dengan tanda-tanda tertentu. Perkara tersebut telah diterangkan oleh Everret M. Rogers (1969 : 182) dalam bukunya *Modernization Among Peasants, The Impact of Communications* :

Change agent seeks the influence the behaviour of their clients. The success of their efforts is measured in terms of:

1. *Clients awarness of motivations*
2. *Persuasion*
3. *Adaptation*
4. *Reinforcement of continued use.*

Usaha-usaha mempengaruhi (yang merupakan sebahagian daripada fungsi utama komunikasi dan kepimpinan) perlu dilakukan terutamanya dari sudut memberikan kesedaran atau mempertingkatkan kesedaran penerima sehingga dapat diterima dan dihayati mesej serta idea yang disampaikan. Dengan itu, faktor pemujukan dan mempengaruhi merupakan faktor yang begitu dominan dalam usaha perubahan

tersebut. Justeru, proses pemujukan dan mempengaruhi tersebut hendaklah dilakukan dengan penuh hikmah serta mengambil kira latar belakang sosiobudaya (*field of experience*) dan nilai pandangan (*frame of reference*) para penerimanya.

Seseorang pendakwah atau pemimpin juga perlu bertindak sebagai penghubung antara dua kepentingan iaitu kepentingan sumber inovasi dan kepentingan sosial para penerimanya. Bagi mencapai kedudukan sebagai penghubung tersebut, menurut Toto Tasmara (1987 : 93-94), beberapa aspek perlu diambil kira oleh pendakwah atau pemimpin agar dapat mencapai matlamat tertentu, antaranya ialah :

1. *Pendokong (Men)* : Setiap mesej atau idea yang dikemukakan perlu ada penerima yang mendokongnya, setidak-tidaknya sebagai golongan pendahulu.
2. *Mesej (Message)* : Mesej-mesej yang disampaikan perlu berada dalam lingkungan yang mampu diterima oleh latar belakang sosiobudaya (*field of experience*) serta nilai pandangan (*frame of reference*) penerima.
3. *Motivasi (Motivation)* : Setiap mesej yang disampaikan perlu diadun agar dapat menimbulkan minat, kesedaran dan rangsangan penerimanya. Usaha yang dilakukan dalam rangka mewujudkan suasana persamaan dan kerjasama antara pendakwah dengan penerimanya juga termasuk dalam bidang motivasi ini.

4. *Material (Material)* : Bahan, dalam apa jua bentuknya, amat penting dalam usaha mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan.

5. *Pengurusan (Management)* : Pengurusan yang baik akan membantu berlakunya komunikasi dan kepimpinan yang lancar, seterusnya membawa kepada keberkesanan mesej yang hendak disampaikan. Keberkesanan mesej tersebut akan memudahkan pencapaian sesuatu matlamat.

Sebagai agen perubahan, seseorang pendakwah atau pemimpin perlu memainkan peranan dan fungsi tertentu. Menurut Rogers (1969 : 183), terdapat tujuh fungsi yang perlu dilakukan oleh seseorang agen perubahan iaitu :

1. *Develop a need for change.*
2. *Establish a change relationship.*
3. *Diagnose problem.*
4. *Examine goals and alternative course of action, then create the intent to change the client.*
5. *Translate intent into action that the client innovates.*
6. *Stabilize change and attempt to prevent discontinuous.*
7. *Achieve a terminal relationship.*

Usaha seseorang pendakwah atau pemimpin memimpin masyarakatnya ke arah perubahan, khususnya perubahan sosial, memerlukan strategi tertentu bagi mengelakkan wujudnya pertentangan.

Dalam konteks tersebut, Lassey dan Sashkin (1983), seperti yang dipetik oleh Aminuddin Mohd Yusof (1990 : 216-217), telah menyatakan enam prinsip-prinsip kepimpinan dalam pembangunan masyarakat, iaitu :

1. *Perspektif sistem* : Pemimpin dan perunding harus sedar bahawa komuniti dan persekitarannya membentuk sistem sosial yang padu. Faktor tersebut mestilah diakui dalam pengurusan tindakan khusus. Pembangunan komuniti akan lebih berkesan apabila keputusan dan tindakan melibatkan kelompok asas tidak formal yang telah mantap di samping kaunsel, lembaga dan jawatankuasa formal.
2. *Perspektif tempatan* : Struktur organisasi komuniti mestilah dikembangkan mengikut ciri-ciri dan keperluan situasi tempatan. Organisasi-organisasi yang dikendalikan oleh pemimpin tanpa penglibatan anggota-anggota komuniti mengabaikan faktor-faktor tempatan dan mungkin tidak sesuai untuk memenuhi keperluan komuniti.
3. *Penglibatan komuniti* : Anggota-anggota komuniti mestilah menjadi rakan kongsi yang aktif dalam proses pembangunan. Perunding boleh mencadang, menasihat atau menyarankan tetapi keputusan mesti dibuat oleh anggota-anggota komuniti, bukan atas inisiatif perunding. Perubahan akan lebih berjaya kalau pengetahuan dan kemahiran yang ada dalam komuniti dikesan dan digunakan dengan efektif.
4. *Kesedaran tentang budaya* : Pemimpin harus mempunyai pengetahuan tentang nilai dan ciri-ciri asas budaya komuniti. Ini memerlukan pengumpulan maklumat yang terperinci. Program pembangunan akan berjaya jika idea dan tindakan senada dengan sistem sosial, politik, ekonomi dan ekologi komuniti.
5. *Konflik yang minimum* : Konflik mungkin berlaku kerana perubahan bertentangan dengan keadaan yang sedia ada dan kerana sesetengah pihak suka dengan keadaan sedia ada tersebut. Konflik sebegini boleh dikurangkan jika pemimpin menentukan sama ada program yang hendak dilaksanakannya sesuai dengan kepercayaan, sikap, nilai, status atau jangkaan anggota-anggota komuniti, lebih-lebih lagi jika pemimpin boleh mengesan ancaman terhadap kepentingan diri yang boleh berkembang akibat perubahan.

6. *Relevan kepada keperluan tempatan* : Perubahan akan berjaya jika ianya datang daripada keperluan yang dirasai, minat atau masalah yang kuat. Matlamat program perubahan haruslah menjanjikan pulangan tinggi untuk usaha dan kerja yang telah dicurahkan oleh anggota-anggota komuniti berkenaan.

Sekalipun prinsip-prinsip tersebut lebih melibatkan pembangunan masyarakat, namun ianya juga relevan dengan perubahan sosial secara umumnya. Dalam perbincangan komunikasi dakwah, prinsip-prinsip pembangunan masyarakat tersebut boleh dikaitkan dengan hikmah, *field of experience* dan *frame of reference*. Dengan mengambil kira faktor-faktor tersebut, perubahan masyarakat ke arah yang lebih positif, dari segi rohani ataupun fizikal akan dapat dilakukan dengan baik, seterusnya memberikan sumbangan terhadap perkembangan Peradaban Islam.

5.2 DISKUSI DAN SYURA (MUSYAWARAH) DALAM KOMUNIKASI ISLAM :

Peradaban Islam yang ditunjangi oleh konsep komunikasi, dakwah dan kepimpinannya yang tersendiri adalah didirikan atas dasar-dasar Islam. Kepimpinan yang sentiasa berkait rapat dengan komunikasi adalah amat berperanan dalam membentuk serta mengembangkan Peradaban Islam.

Kepimpinan, menurut Yusof Ismail (1991 : 229), mempunyai beberapa syarat serta ciri penting iaitu Islam, Pemimpin, Jamaah (Kelompok / Komuniti), Syura, Pengikut (Anggota), Pendidikan dan Persekutaran. Model kepimpinan tersebut merupakan sedikit perubahan daripada model kepimpinan berdasarkan situasi seperti yang telah dicadangkan oleh Hersey dan Blanchard.

Mereka berpendapat bahawa model kepimpinan adalah terdiri daripada Pemimpin, Pengikut dan Keadaan (Hersey, P. et al. 1988 : 86). Model Hersey dan Blanchard tersebut amat mendapat tempat dalam perbincangan kepimpinan serta pengurusan semasa dan dipelajari oleh sekolah-sekolah pengajian perniagaan di Barat (Ismail Noor 2000 : 33).

Setiap elemen dalam model-model tersebut adalah dihubung-kaitkan dalam satu jalinan komunikasi dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Dalam hal ini, dapat dikatakan bahawa diskusi atau syura yang bertindak sebagai salah satu unsur penting dalam sesebuah komunikasi dan kepimpinan, juga merupakan antara elemen penting yang menyumbang ke arah pembinaan dan perkembangan Peradaban Islam.

5.2.1 DISKUSI DAN KOMUNIKASI :

Komunikasi berlangsung melalui berbagai metod dalam memenuhi fungsi-fungsinya. Diskusi, dalam konteks ini, merupakan salah satu metod komunikasi yang sering digunakan dalam penyampaian sesuatu mesej dan usaha mendidik atau mempengaruhi para penerima dalam sesuatu proses komunikasi.

Diskusi bermaksud pertukaran buah fikiran ataupun perbincangan mengenai sesuatu perkara. Diskusi biasanya diadakan dalam suatu pertemuan dengan jalan pertukaran pendapat serta fikiran antara dua pihak atau lebih, bagi mendapatkan jawapan ataupun rangkaian jawapan yang berdasarkan pertimbangan-pertimbangan meluas dan logik (R. Agus Toha Kuswata et al. 1990 : 83).

Ini bermakna, diskusi dalam situasi tertentu, tidak bertujuan untuk mengharapkan jawapan terakhir atau faktual (benar ataupun tidak), sebaliknya lebih berbentuk mendapatkan pandangan, idea dan pendirian daripada pihak-pihak yang terlibat dengannya. Justeru, peserta diskusi tersebut hendaklah bersikap dinamik, kreatif, kritis dan berfikiran terbuka. Menurut R. Agus Toha Kuswata (1990 : 84) :

" Discussion in a lively, creative community leads not to finality but to further thought. The members have a dynamic attitude, with minds open to the possibility of change of opinion as more knowledge and experience give them new insights ".

Dari sudut perlaksanaannya, komunikasi Islam lebih cenderung ke arah pengajaran dan pendidikan keagamaan. Justeru, diskusi dengan ciri-cirinya seperti bertukar pandangan serta dialog, adalah sesuai untuk dijadikan sebagai metod yang efektif, khususnya apabila komunikasi merupakan saluran penyampaian dakwah.

Perjalanan sesebuah diskusi perlu mematuhi adab-adabnya, kerana komunikasi Islam melalui metod tersebut bertujuan menerapkan intipati ajaran Islam dan membawa ke arah matlamat tertentu. Kemenangan dalam perdebatan bukanlah pokok kepada sebarang perbincangan. Apa yang penting ialah mencapai keputusan bersama dengan hati yang terbuka dan melaksanakannya dengan penuh etika serta tanggungjawab.

Dalam konteks dakwah, diskusi digunakan sebagai media penyampaian mesej-mesej Islam, di samping melakukan proses pendidikan serta pentarbiyan secara tidak langsung. Metod ini digunakan secara lebih efektif ketika berhadapan dengan golongan *mad'u* (penerima) yang mempunyai latar belakang pengetahuan atau pendidikan (*educated*). Melalui diskusi, setiap peserta akan dapat berbahas serta

berbincang dengan bebas dan terbuka. Ini akan memberikan ruang kefahaman yang lebih baik dan mendalam tentang sesuatu perkara yang dibincangkan.

Dengan merujuk kepada ayat-ayat 125-128 Surah al-Nahl, Muhammad Izzah Daruzah menyatakan bahawa dakwah akan membawa hasil yang baik sekiranya metod-metod yang disarankan oleh ayat-ayat tersebut dilaksanakan sepenuhnya. Hikmah, *mau'izatul hasanah*, *hujjah* dan *jadil* digunakan dengan sebaik-baiknya. *Hujjah* dan *jadil* merupakan unsur utama diskusi, manakala hikmah dan *mau'izatul hasanah* pula akan dapat diterapkan melalui *hujjah* dan *jadil* tersebut (R. Agus Toha Kuswata et al. 1990 : 86).

Dalam konteks yang lebih luas, diskusi juga diamalkan sebagai medan pertukaran pandangan dan mencapai keputusan terbaik dalam sebarang bentuk perbezaan pendapat dan juga dalam soal-soal pengurusan, pentadbiran serta pemerintahan.

5.2.2 DISKUSI DAN SYURA :

Diskusi, dalam istilah bahasa Arab, dikenali juga dengan beberapa istilah yang sesuai dengan keadaan dan situasinya. Antara istilah yang digunakan *ialah syura*, *musyawarah*, *mujadalah*, *muzakarah* dan sebagainya. Dalam persoalan perbezaan pendapat, istilah-istilah seperti *khilaf* dan *syiqaq* juga digunakan. Istilah-istilah tersebut merupakan antara istilah-istilah yang digunakan oleh al-Quran bagi menerangkan tentang perbezaan pendapat dan penyelesaiannya menerusi diskusi.

Sedikit perbezaan dapat dilihat antara istilah diskusi atau musyawarah dengan syura di mana setiap syura adalah diskusi, sedangkan setiap diskusi tidak bererti syura. Hal ini dapat diperhatikan lantaran anggota syura memerlukan keahlian dan syarat-syarat tertentu seperti pengetahuan mendalam berkenaan al-Quran, al-Sunnah dan sebagainya, manakala keahlian peserta dalam sesebuah diskusi adalah lebih longgar berbanding dengan syura. Syura dalam pengertian yang lebih khusus adalah merujuk kepada suatu institusi perbincangan.

Dalam keadaan tertentu, terutamanya dalam hal-hal pengurusan atau pentadbiran yang rutin, keahlian sekadar pengetahuan dan pengalaman dalam bidang tertentu adalah memadai dengan diskusi.

Manakala dalam hal-hal yang lebih besar, terutamanya ketika melibatkan kepentingan ramai dan bersama, institusi syura diperlukan bagi mendapatkan sebarang keputusan. Walau apapun keadaannya, diskusi ataupun syura merupakan suatu perkara penting yang perlu diamalkan dalam apa jua peringkat, sama ada rumahtangga, pejabat, organisasi, komuniti, negara dan antarabangsa, agar hak-hak individu sentiasa terpelihara.

5.2.2.1 MAKSUD SYURA :

Syura dalam Islam adalah suatu sistem yang sempurna serta lengkap meliputi semua aspek kehidupan umat seluruhnya, dari peringkat keluarga, rumah, yayasan, syarikat, pejabat, pemerintah dan sebagainya (Adnan Ali Ridha Al-Annahwy 1990 : 55).

Syura (perundingan bersama) adalah mod utama dalam membuat keputusan dan melaksanakannya. Al-Quran telah mengajak semua pemimpin Islam dalam konteks masing-masing untuk berunding dengan mereka yang lebih tahu dan arif (Ismail Noor 1991 : 32).

Ini kerana pembahagian tugas dan tanggungjawab yang adil adalah berdasarkan kepakaran serta kebolehan seseorang, berdasarkan sabda Rasulullah SAW :

إذا وسّد الأمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرْ السَّاعَةَ

(Bukhari, *Sahih*, Kitab (3), Bab (2 : 59), 1993: 1: 192)

Bermaksud : “ Apabila diserahkan sesuatu urusan kepada bukan ahlinya (bukan profesional) maka tunggulah masa keruntuhannya ” , dan

من استعمل رجالا من عصابة وفي تلك العصابة من هو أرضى الله عنه فقد خان الله

وخان رسوله وخان المؤمنين

(Al-Sayuti, *Al-Jami' Al-Saghir*, Hadis (8414), 1981: 2 : 567)

Bermaksud : “ Sesiapa memberikan jawatan kepada seseorang sedangkan terdapat orang lain yang lebih layak bagi tugas tersebut maka itu adalah penipuan terhadap Allah dan RasulNya serta semua orang Islam ”

Syura, menurut Mustafa Haji Daud (1999 : 93), merupakan istilah yang diperkenalkan oleh al-Quran, dan secara ringkasnya membawa erti sebagai amalan bermesyuarat (berdiskusi).

Diskusi, musyawarah ataupun syura merupakan proses komunikasi yang mengandungi perbincangan, perundingan, percambahan pemikiran, pengumpulan dan pertukaran maklumat, pengumpulan fakta dan data, serta pengumpulan dan pertukaran pelbagai idea daripada setiap sudut. Penyampai dan penerima saling berperanan dalam komunikasi tersebut bagi mendapatkan suatu keputusan terbaik serta menyeluruh.

Inti pati dan sari patinya merupakan idea terbaik yang dapat disimpulkan untuk dijadikan keputusan. Ia merupakan keputusan majoriti dan bersama untuk mencapai matlamat, iaitu kebenaran. Keputusan tersebut seterusnya dilaksanakan dalam bentuk tindakan oleh setiap individu, bersama dan bersepada. Atas dasar tersebut, maka diskusi, musyawarah dan syura begitu dititik beratkan oleh Islam ke atas umatnya sebelum atau semasa menjalankan sebarang bentuk tindakan.

5.2.2.2 CIRI-CIRI SYURA :

Syura, sebagai salah satu metod yang digunakan dalam dakwah dan kepimpinan Islam, mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Secara umumnya, Said Hawa (1984) dan Muhammad Asad (1980) telah menggariskan lima ciri utama syura, iaitu :

1. Syura telah diperintahkan oleh Allah dan telah diperaktikkan oleh Rasulullah SAW serta para sahabat.

2. Syura menjadi medan untuk membincang dan mengambil keputusan dalam perkara-perkara kepentingaan umum atau yang tidak dijelaskan oleh *nusus* (al-Quran, al-Hadis, Ijma' dan Qiyas).
3. Ahli-ahli syura terdiri daripada orang-orang yang memenuhi syarat keanggotaan syura berkenaan. Ahli-ahli syura hendaklah mempunyai ilmu al-Quran dan Sunnah, serta memahami kehendak sosiologi masyarakat setempat dan hal ehwal dunia semasa.
4. Perjalanan syura mempunyai tatacara tertentu.
5. Amir (pemimpin) hendaklah mematuhi keputusan syura. Sekiranya ia tidak bersetuju, ia dibolehkan merujuk kepada syura yang lebih atas. Selalunya, anggota-anggota syura yang menerima pendidikan Islam (*tarbiyyah Islamiyyah*) mudah mencapai keputusan.

Seseorang pemimpin perlu meneliti setiap masalah yang timbul dan membuat keputusan terbaik mengenainya. Dalam konteks ini, Nik Mohd Zain Yusof (1991 : 40-41) menerangkan :

1. Sekiranya keputusan yang diambil adalah berkenaan al-Syariah, yang berdasarkan nas terang, pemimpin tersebut tiada pilihan selain daripada mengimplementasikannya sahaja.
2. Sekiranya keputusan tersebut adalah berdasarkan al-Syariah yang bersifat *khilaf* (perselisihan pendapat), pemimpin tersebut terpaksa menggunakan kebijaksanaannya

untuk memilih pendapat yang disokong oleh dalil-dalil kuat yang dikemukakan oleh mujtahid-mujtahid di kalangan ahli syura atau *ahl al-hall wa al-'aqd*.

3. Bagi semua persoalan mendatang (*tawari'* / *contigents*), seperti perperangan, politik atau perhubungan luar, dan sebagainya, pemimpin boleh membuat pilihan antara pendapat terbaik dan terdekat dengan yang betul dan yang paling sesuai sesudah permesyuaratan tanpa melihat kepada pendapat terbanyak.
4. Jika dilihat dari sudut kaedah, syura bukanlah cara penyelesaian masalah melalui undian terbanyak, walaupun kaedah undian terbesar tidak diketepikan langsung, khususnya dalam proses membuat keputusan. Hadis yang menyebut bahawa manusia lebih mengetahui soal urusan dunia menjelaskan hakikat tersebut.

Namun begitu, keputusan majoriti dalam syura biasanya merupakan keputusan terbaik kerana ia didasarkan kepada pendapat-pendapat yang bersandarkan dalil-dalil daripada al-Quran atau al-Sunnah, sehingga kebarangkalian untuk timbulnya keputusan majoriti yang salah menjadi minimum. Perkara tersebut dapat disaksikan melalui sabda Baginda SAW :

إِنَّ اللَّهَ لَا يَجْمِعُ هَذِهِ الْأُمَّةَ عَلَى الصِّرَاطِ أَبْدًا وَإِنَّ يَدَ اللَّهِ مَعَ الْجَمَاعَةِ فَاتَّبِعُوا السَّوَادَ

الأَعْظَمُ فَإِنْ مَنْ شَدَ شَدَ فِي النَّارِ

(Al-Tirmizi, *Sunan*, Hadis (255), 1980: 3: 315)

Bermaksud : “ ... Sesungghnya Allah tidak akan menghimpunkan umat ini atas kesesatan sama sekali, dan tangan Allah itu bersama jamaah, hendaklah kamu ikuti golongan terbesar, dan barangsiapa mengasingkan diri, maka ia mengasingkan diri ke dalam neraka ... ”

Dalam keadaan tertentu, pemimpin berhak membuat keputusan sendiri, selagi dipandang betul dan berpatutan olehnya. Walau apa pun, keputusan tersebut hanyalah dibuat setelah dilakukan syura dan pertimbangan pendapat dari semua pihak (*istizaj al-araa*) (Nik Mohd Zain Yusof 1991 : 41).

Misalnya, sebagai pemimpin yang berwibawa dan ada kredibiliti tersendiri, adakalanya Rasulullah mengambil keputusan tanpa bergantung kepada pandangan ramai ataupun tanpa meminta pandangan majoriti para sahabat. Namun begitu, keputusan tersebut diambil setelah dilangsungkan syura.

Antaranya, Rasulullah SAW telah keluar daripada Madinah pada hari peperangan Badar, sedangkan orang-orang Islam tidak bersetuju untuk keluar berperang di luar kota Madinah. Pada lain ketika, Rasulullah SAW telah mengikut pendapat al-Habbab ibn al-Munzir, dengan mengubah perkhemahan tenteranya (Nik Mohd Zain Yusof 1991 : 41).

Dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan tugas rutin pengurusan atau pentadbiran, seseorang pemimpin tidak wajib untuk berunding, kerana ia akan mengganggu kelancaran pentadbiran sesuatu organisasi atau negara. Memadai sekadar penetapan skop tugasannya yang telah diketahui bersama dalam perbicangan terdahulu.

5.2.2.3 KEPENTINGAN DISKUSI DAN SYURA :

Memandangkan peri pentingnya syura, di samping kebaikan amalan serta keburukan pengabaiannya, ia telah diwajibkan oleh Allah melalui al-Quran, al-Sunnah dan amalan para sahabat. Allah telah berfirman yang maksudnya :

“ Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan dengan bermesyuarat sesama mereka”

(al-Syura 42 : 38), dan

“ ... dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau berazam(setelah bermesyuarat untuk berbuat sesuatu) maka bertawakkal kepada Allah. Kerana Allah mengasihi orang yang bertawakkal kepadaNya ... ”

(al-Imran 3 : 159)

Rasulullah SAW sendiri mengamalkan diskusi dan syura dalam pemerintahannya. Baginda SAW sentiasa mengadakan perbincangan, perundingan, pertukaran pendapat dan bermesyuarat dengan para sahabat setiap kali sebelum melaksanakan tugas atau tanggungjawab yang penting. Rasulullah SAW juga sentiasa menghormati dan menerima pandangan para sahabat tanpa mengira kedudukannya. Ini dapat dilihat misalnya, melalui penerimaan cadangan Salman al-Farisi untuk menggali *khandak* ketika peperangan *al-Ahzab* (Mustafa Haji Daud 1999 : 96).

Amalan diskusi dan syura yang dilakukan oleh Rasulullah SAW adalah bersesuaian dengan anjuran al-Quran, dan Hadis Baginda SAW yang antaranya :

ما خاب من استخار ولا ندم من استشار

(Al-Sayuti, *Al-Jami' Al-Saghir*, Hadis (7895), 1981: 2 : 494)

Bermaksud : “ ... Orang beristikharah itu tidak pernah kecewa dan tidak juga seseorang yang bermesyuarat ... ” , dan

من أراد أمرا فشاور فيه أمرا مسلما وفقه الله لأرشد أمره

(Al-Haithami, *Majma' Al-Zawa id*, 1994: 8: 96)

Bermaksud : “ Barangsiapa menghendaki mengerjakan sesuatu lalu dia bermesyuarat dengan seorang muslim yang lain maka Allah akan memberikan taufik kepadanya untuk memilih yang baik baginya ”

Bagi menjelaskan lagi tentang kebaikan serta kepentingan diskusi dan syura, Mustafa Haji Daud (1999 : 94-95) menerangkan :

1. Memberi peluang penyertaan yang meluas dan penglibatan setiap ahli dalam setiap keputusan yang diambil untuk kepentingan, kebaikan dan kebijakan semua.
2. Melahirkan kepuasan hati kerana setiap ahli diberi peluang untuk memberikan pendapat dan pandangan.
3. Mengelakkan amalan diskriminasi dan berpuak-puak.

4. Kesepakatan idea adalah lebih baik daripada berpusat kepada individu atau kumpulan kecil dan tertentu.
5. Sesuatu isu, cabaran, halangan dan masalah dapat dilihat secara menyeluruh daripada pelbagai sudut dengan terperinci.
6. Bertanggungjawab mengurangkan kesilapan dan kesalahan dalam membuat sesuatu keputusan penting.
7. Memupuk dan menerapkan nilai-nilai murni seperti sifat ikhlas, amanah dan bertanggungjawab. Setiap individu memberikan sumbangan yang terbaik dari segi idea dan mereka bertanggungjawab pula untuk melaksanakan keputusan itu dalam bentuk tindakan.
8. Melahirkan tindakan bersepadu dalam perlaksanaan keputusan yang telah dipersetujui bersama.
9. Menghormati dan memperkuatkan budaya ilmu, profesionalisme dan kepakaran.
10. Agen pembangunan diri, keluarga, masyarakat, organisasi dan negara. Pembangunan yang bersepadu antara unsur kejasmanian dengan kejiwaan, individu dengan masyarakat, manusia dengan alam, kebendaan dengan kerohanian serta keduniaan dengan keakhiran.
11. Memupuk dan memperkuatkan persefakatan dan perpaduan. Asasnya ialah hormat-menghormati, kasih-mengasihi, muhibbah dan persaudaraan (*Ukhuwwah Islamiyyah*).
12. Organisasi mendapat kerjasama serta sokongan padu daripada kakitangannya. Negara pula mendapat kesetiaan serta pengorbanan daripada rakyatnya untuk menghadapi semua kemungkinan suka dan duka.

13. Melahirkan keutuhan dan kestabilan organisasi dan negara dari segi pengurusan, politik, ekonomi dan sosial.
14. Melahirkan kemakmuran, kesejahteraan serta keharmonian individu, keluarga, masyarakat, organisasi, negara dan antarabangsa.
15. Memperkuatkan keutuhan, kestabilan dan kemajuan ummah selamanya.
16. Mendapat keredhaan Allah SWT
17. Pengabaian syura akan membawa implikasi buruk seperti meluasnya konflik dan krisis dalam sesebuah keluarga, masyarakat, organisasi, negara dan antarabangsa.
18. Pengabaian syura akan mengakibatkan perpecahan, perbalahan dan persengketaan.
19. Pengabaian syura akan melahirkan amalan autokrasi dan nepotisme.
20. Pengabaian syura akan berakhir dengan kemunduran, kehuru-haraan dan kehancuran.

5.2.2.4 ADAB-ADAB DALAM DISKUSI DAN SYURA :

Diskusi dan syura adalah diasaskan di atas tiga asas utama iaitu keimanan, persaudaraan serta adab. Niat, cara serta amalan dalam diskusi dan syura perlu berasaskan keimanan iaitu mendapatkan keredhaan Allah. Diskusi dan syura juga berdiri atas dasar persaudaraan di mana setiap ahli mesyuarat bertimbang rasa, saling menghormati, saling mengasihi, bertanggungjawab serta mengutamakan keharmonian dan perpaduan komuniti. Perlaksanaannya hendaklah dilakukan melalui adab-adab tertentu, agar perbincangan tersebut tidak menimbulkan sebarang implikasi negatif.

Berdasarkan *sirah* Nabi Muhammad SAW dan para sahabatnya, Thaha Jabir Al 'Alwani (1989 : 46-47) telah merumuskan beberapa adab yang diamalkan ketika berlangsungnya amalan diskusi dan syura semasa hidup Baginda SAW :

1. Para sahabat berusaha untuk tidak berselisih pendapat sedaya mungkin. Oleh itu, mereka menghindarkan diri daripada memperbanyakkan soalan dan perincian. Malah, mereka menyelesaikan sebarang peristiwa yang berlaku di bawah naungan Rasulullah SAW. Menyelesaikan persoalan yang berlaku mengikut adatnya tidak memberi peluang yang besar untuk berdebat, apalagi untuk berbantah dan berbalah.
2. Apabila berlaku perselisihan pendapat, sekalipun setelah berusaha untuk menghindarinya, mereka segera mengembalikan perkara tersebut kepada Kitab Allah dan Sunnah RasulNya.
3. Sikap mereka yang segera tunduk dan komited terhadap hukum Allah dan RasulNya dengan penerimaan yang sepenuhnya serta penyerahan yang setulusnya.
4. Tindakan pembetulan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW terhadap mereka yang berselisih pendapat dalam kebanyakan perkara dapat ditakwilkan, di mana masing-masing mempunyai perasaan bahawa pendapat saudaranya boleh jadi benar seperti anggapannya terhadap pandangannya sendiri.
5. Menepati dengan setia sifat taqwa serta menjauhi hawa nafsu, dengan menjadikan kebenaran sebagai satu-satunya tujuan mereka dalam berselisih pandangan, di mana tidak penting siapa yang menzahirkan kebenaran tersebut.
6. Menepati dengan setia adab Islam dengan memilih kata-kata yang baik dan menghindari kata-kata yang tajam di antara mereka yang berselisih pandangan tersebut, di samping sikap baik mendengar pendapat masing-masing.

7. Menghindari perbicaraan yang berjela-jela sedapat mungkin dengan berusaha sejauh mungkin untuk menetapi pokok persoalan yang diperbincangkan, yang dapat memberikan kesan kepada pendapat masing-masing sikap kesungguhan serta saling menghormati dari sudut yang lain, agar mendorong lawannya menerima pendapatnya, atau berusaha untuk mendahulukan pendapat yang lebih baik.

Selanjutnya Thaha Jabir Al 'Alwani (1989 : 71-72) menerangkan tentang adab-adab ketika berbeza pendapat, diskusi dan syura pada Khulafa' al-Rashidin, antaranya:

1. Para sahabat berusaha menghindari perbezaan pendapat, walaupun ada ruang untuk itu.
2. Sekiranya ada sebab-sebab yang membolehkan perbezaan pendapat, maka mereka segera untuk menyahut kebenaran dan mengakui kesalahan mereka tanpa ada perasaan rendah diri dan kekurangan. Selain itu, mereka sangat menghormati ahli ilmu, ahli fiqh dan cendekiawan dengan tidak mengorbankan harga dirinya namun tidak pula mengurangi hak saudaranya. Setiap orang merasakan berkongsi pendapat dengan saudaranya, di mana kebenaran itu mungkin di pihaknya sebagai pendapat terkuat, manakala mungkin di pihak saudaranya pendapat yang kurang kuat, dan tidak ada halangan pendapat yang disangkanya itu kuat tetapi sebenarnya kurang kuat, atau sebaliknya pendapat yang disangkanya itu kurang tetapi kuat.
3. Bagi mereka, *ukhuwwah Islamiyyah* adalah pokok utama dari pokok-pokok ajaran Islam yang penting, yang tidak akan berdirinya Islam tanpanya, yang mengatasi segala perbezaan pendapat atau persamaan pendapat dalam masalah-masalah *ijtihadiyyah*.
4. Tidak berlaku sama sekali perbezaan pendapat dalam masalah-masalah *I'itiqadiyyah*. Perbezaan pendapat hanya berlaku dalam perkara-perkara *furu'*.

5. Sebelum pemerintahan Sayyidina Uthman bin 'Affan, kebanyakan sahabat tinggal di Madinah, dan mereka tidak akan meninggalkan Madinah kecuali untuk tujuan jihad. Justeru, mudah bagi mereka untuk mencapai persetujuan dalam kebanyakan perkara.
6. Para *Qurra'* dan *Fuqaha'* sama menonjol dengan para pemimpin politik, tanpa sebarang bantahan. Setiap orang mempunyai keahlian dalam bidang fiqh, yang berfungsi sebagai persetujuan secara tidak langsung di antara mereka.
7. Pandangan mereka terhadap tanggapan seseorang mengenai pendapat lain adalah merupakan bantuan terhadap saudaranya, bukan merupakan sesuatu yang aib atau berbentuk kritikan.

Adab-adab yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat merupakan garis panduan yang sepatutnya menjadi pedoman serta amalan bagi setiap inividu Muslim ketika melibatkan diri dalam sesuatu diskusi ataupun syura, tanpa mengira bidang dan masa perlaksanaannya.

5.2.2.5 DISKUSI DAN SYURA DALAM PEMBENTUKAN SERTA PERKEMBANGAN PERADABAN ISLAM :

Diskusi dan syura telah memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan serta pengukuhan Peradaban Islam, sama ada di peringkat masyarakat umum ataupun di peringkat pemerintahan negara.

Diskusi dan syura adalah suatu peraturan yang berkembang dalam asuhan keimanan, di tanah yang suci, juga merupakan suatu peraturan yang saling berkaitan

dengan undang-undang dan dasarnya. Ia memerlukan sistem yang dipraktikkan dengan betul atas dasar keimanan. Dengan adanya ilmu yang kuat dan umat yang saling mempunyai hubungan baik, manusia dapat berkembang sesuai dengan perkembangan kebaikan dan barakah (Adnan Ali Ridha Al-Annahwy 1990 : 32).

Amalan diskusi dan syura, yang merupakan sebahagian daripada metod komunikasi, telah diamalkan semenjak daripada zaman Rasulullah SAW, sama ada ketika menyelesaikan perbezaan pandangan dalam masalah tertentu, ataupun dalam mencapai keputusan dalam pentadbiran serta politik negara. Peradaban Islam yang mula bertapak di Madinah, terus berkembang serta tersebar luas dengan berpaksikan diskusi dan syura sebagai antara tunjang utama dalam kepimpinannya.

Konsep umum serta kaitan rapat antara diskusi, syura, dakwah, kepimpinan dan komunikasi dalam Islam dapat disaksikan dalam firman Allah yang bermaksud :

“ Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalauolah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu ma’afkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu), maka bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepadaNya ” .

(al-Imran 3 : 159)

Pada peringkat awal dakwah di Mekah, Rasulullah SAW sentiasa mengadakan diskusi dan syura dengan para pengikut terdekatnya bagi membincangkan persoalan keimanan serta kedudukan mereka yang dikelilingi masyarakat musyrikin Mekah.

Melalui diskusi dan syura dari masa ke semasa, dakwah Islam semakin mendapat pengaruh, menjadikan pengikut Muhammad SAW semakin bertambah, seterusnya mendorong ke arah berlakunya proses hijrah ke Habsyah dan Madinah.

Setelah tertubuhnya pemerintahan Islam di Madinah, Rasulullah SAW terus menjadikan diskusi dan syura sebagai salah satu teras dakwah serta pemerintahannya. Amalan berdakwah dalam bentuk penerangan dan perbincangan masih diteruskan oleh Baginda SAW. Manakala dalam hal-hal pemerintahan, Rasulullah SAW sentiasa mengadakan syura dalam perlaksanaannya. Melalui diskusi dan syura, Peradaban Islam pada hayat Rasulullah SAW telah menjadi kukuh serta berkembang luas.

Diskusi dan syura yang diamalkan oleh Rasulullah SAW semasa hayatnya telah terus diamalkan oleh para pemerintah Islam selepas Baginda. Para Khulafa' al-Rashidin sentiasa menjadikan diskusi dan syura sebagai teras untuk mendapatkan keputusan sebelum merancang atau mengambil sesuatu tindakan.

Kedudukan institusi syura dalam institusi pemerintahan negara, walaupun agak goyah, setelah berlalunya pemerintahan Khulafa' al-Rashidin dan para sahabat, namun terus diamalkan oleh para pemerintah Islam seterusnya.

Fenomena tersebut menjadikan Peradaban Islam terus utuh, sekalipun tanpa pemerintahan tersendiri setelah kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah. Amalan diskusi dan syura masih terus dipraktikkan pada peringkat-peringkat tertentu dalam masyarakat Islam sehingga ke hari ini.

Hubungan akrab antara konsep komunikasi dan kepimpinan dalam Islam yang diamalkan dalam kehidupan masyarakat Muslim, sekalipun tidak menyeluruh terutamanya setelah berlakunya penerimaan pengaruh pemikiran Barat, amat berperanan dalam memastikan Peradaban Islam terus wujud dan mekar walaupun tanpa daulahnya. Konsep komunikasi dan kepimpinan Islam tersebut masih segar diamalkan oleh masyarakat Islam dalam kelompok organisasi dan komunitinya yang tersendiri, seterusnya menjamin kesinambungan Peradaban Islam.

5.3 KOMUNIKASI ISLAM DAN INTEGRASI UMMAH :

Kesan kepimpinan seseorang pendakwah atau pemimpin perlu dilihat dalam bentuk hasilnya, dan hasil tersebut dapat dikesan melalui *feedback* dan *follow up*. Dalam hal ini, Hollander (1978 : 157) pernah mengungkapkan :

“ Pemimpin tidak berkesan hanya dengan menjadi berpengaruh. Hasil pengaruh tersebut, dan aktiviti-aktiviti sepanjang jalan, tidak boleh diambil ringan. Sebaliknya, hanya dengan mengetahui hasil, terpisah daripada apakah sumber yang ada pada pemimpin dan kelompoknya, juga memberikan pandangan yang terhad ”.

Integrasi sosial di kalangan sesama masyarakat Islam dan di antara umat Islam dengan bukan Islam merupakan salah satu hasil yang dapat diwujudkan melalui komunikasi, dakwah dan kepimpinan Islam yang berkesan.

Tanpa komunikasi, dakwah dan kepimpinan Islam yang baik serta teguh, integrasi ummah yang pernah wujud suatu masa dahulu mungkin hanya tinggal kenangan dalam lipatan lembaran sejarah. Integrasi ummah melambangkan kekuatan kesatuan umat Islam dan sekaligus peradabannya.

5.3.1 MAKSUD INTEGRASI UMMAH :

Integrasi ummah tidak hanya sekadar berkumpulnya anggota-anggota sesuatu kesatuan, malah yang lebih utama ialah wujudnya kesatuan atau bersatu-padunya anggota-anggota kesatuan tersebut, dalam bentuk menyatukan diri dalam suatu susunan yang mempunyai jalinan erat, mesra dan harmoni sehingga menjadi suatu kesatuan yang bulat (Shalahuddin Sanusi 1967 : 12).

Kesatuan atau integrasi umat Islam yang kukuh merupakan satu ketentuan daripada Allah, sepetimana firmanNya :

“ Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu . . . ”

(al-Baqarah 2 : 213)

Merujuk kepada integrasi ummah, dalam sebuah hadis Rasulullah SAW bersabda :

مثُل المؤمنين في توادهم وتراحهم كمثل الجسد إذا اشتكي عضو منه تداعى سائره

بالحمى والسهر

(Muslim, Sahih, Kitab (45), Bab (17 : 2586), 1990: 16: 139)

Bermaksud : "Perumpamaan orang-orang mukmin itu dalam cinta mencintai, kasih mengasihi dan santun menyantuni, tak ubah bagaikan sebuah tubuh yang apabila menderita satu anggota dari tubuh tersebut, ikut menderita pula keseluruhan tubuh dengan tidak dapat tidur dan demam "

Begitulah tingginya nilai kesatuan dan integrasi ummah sehingga ia menjadi tanggungjawab setiap individu Muslim mukallaf untuk merealisasikannya dalam kehidupan mereka di muka bumi ini. Setiap individu mempunyai tanggungjawab dan peranannya yang tersendiri dalam menjadikan integrasi ummah sebagai suatu hakikat. Sejarah telah membuktikan keutuhan dan kekuatan ummah serta Peradaban Islam yang bergantung sepenuhnya di atas bahu sekelian umat Islam.

5.3.2 FALSAFAH INTEGRASI UMMAH :

Al-Quran dan al-Sunnah telah menyajikan kepada kita falsafah integrasi ummah. Antaranya, firman Allah yang bermaksud :

" Wahai sekelian manusia ! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga membiakkan dari kedua-duanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai "

(al-Nisaa' 4 : 1)

Ayat tersebut telah menjelaskan bahawa asal kejadian sekelian manusia adalah daripada nenek moyang yang sama iaitu Adam dan Hawa. Hakikat tersebut seterusnya menjadikan manusia pada dasarnya adalah satu keluarga yang besar, tanpa mengira warna kulit, keturunan, bangsa, bahasa, tempat dan sebagainya. Semuanya adalah makhluk ciptaan Allah, yang diciptakan untuk beribadat semata-mata kepadaNya.

Manusia diutuskan ke muka bumi membawa tanggungjawab sebagai khalifah Allah yang perlu mangabdikan diri semata-mata kepadaNya. Sebagai khalifah, manusia perlu melaksanakan peraturan-peraturan Allah, membina kemakmuran, peradaban serta kebudayaan di atas muka bumi ini, di samping membina kehidupan yang damai dan sejahtera.

Oleh sebab itu, maka Islam membawa prinsip-prinsip kesatuan, persamaan dan persaudaraan bagi seluruh umat manusia. Firman Allah yang bermaksud :

“ ... Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat : Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi ... ”

(al-Baqarah 2 : 30),

“ ... Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya ... ”

(Hud 11 : 61) , dan

“ Wahai umat manusia ! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan lain) ”.

(al-Hujurat 49 : 13)

Kesatuan manusia adalah berdasarkan persaudaraan pada dua kategori iaitu persaudaraan Islam (*ukhuwwah Islamiyyah*) dan persaudaraan seluruh umat manusia (*ukhuwwah insaniyyah*). Sebagai manusia yang menyedari hakikat kemanusiaan,

persaudaraan dan tanggungjawab khilafah, maka umat Islam perlu berdakwah serta mengingatkan manusia lain tentang tanggungjawab mereka di muka bumi ini.

Dalam berdakwah, umat Islam perlu berpegang kepada prinsip-prinsip kemanusiaan melalui penzahiran budi pekerti yang luhur, terutama sekali dalam lingkungan kekeluargaan umat Islam di mana prinsip-prinsip tersebut perlu dilaksanakan dengan penuh kesedaran dan keimanan dalam usaha membina serta mempertahankan keutuhan kesatuan masyarakat Islam.

5.3.3 KOMUNIKASI, DAKWAH DAN INTEGRASI UMMAH :

Keberkesanan serta kejayaan komunikasi, dakwah dan kepimpinan telah melahirkan sebuah kesatuan masyarakat Islam. Sorotan sejarah telah membuktikan bagaimana umat Islam yang terdiri daripada pelbagai puak, bangsa, bahasa, warna kulit dan negara telah hidup dengan harmoni di bawah pemerintahan panji-panji Islam. Pada peringkat awal penubuhan pemerintahan Islam, Rasulullah SAW telah berjaya mewujudkan persaudaran di kalangan umat Islam tanpa mengira batasan-batasan tersebut.

Seterusnya Baginda SAW telah berjaya mengadakan hubungan yang baik antara masyarakat Islam dengan bukan Islam di bawah pemerintahan Islam setelah termeterainya Perlembagaan Madinah. Keharmonian dan kesejahteraan hidup antara masyarakat Islam dan bukan Islam adalah terikat dengan syarat kesetiaan kepada pemerintahan tersebut. Pencabulan taat setia yang telah dipersetujui telah menyebabkan kaum Yahudi diserang oleh tentera Islam.

Begitulah integrasi ummah terbentuk dan keharmonian masyarakat terpelihara pada zaman Rasulullah SAW. Sunnah Rasulullah SAW tersebut seterusnya diamalkan oleh para pemerintah Islam selepas Baginda, sehingga pemerintahan Islam yang bermula di Madinah berkembang menjadi sebuah empayar yang luas.

Kelemahan pemerintah dan masyarakat yang semakin leka serta terpengaruh dengan kemanisan serta keindahan duniawi telah menjadikan empayar Islam semakin lemah dan akhirnya jatuh menyembah bumi. Selanjutnya, negara dan masyarakat Islam semakin terpisah akibat daripada dasar kolonisasi dan imprealisasi Barat.

Kelemahan tersebut, sekalipun telah menghancurkan integrasi ummah, namun tidak menguburkan bersamanya Peradaban Islam. Peradaban Islam masih terus bertahan dan berkembang walaupun tanpa daulahnya yang tersendiri. Menjadi tanggungjawab setiap umat Islam untuk mengembalikan integrasi ummah dan mendaulatkan kembali Peradaban Islam.

Komunikasi dakwah, merupakan salah satu unsur utama dan penting ke arah merealisasikan impian tersebut. Ini kerana, setiap gerakan ke arah mencapai tujuan tersebut tidak dapat mengelak daripada melibatkan komunikasi dan setiap komunikasi dalam Islam, tidak dapat memisahkan diri daripada dakwah.

Jalinan tersebut telah menjadikan komunikasi dalam Islam begitu unik dan menyeluruh. Integrasi ummah dapat diusahakan melalui komunikasi dakwah. Program-program ke arah mewujudkan integrasi ummah seperti syura, pengkaderan, pendidikan, perancangan dan sebagainya dapat dilakukan melalui komunikasi.

Integrasi ummah, menurut Shalahuddin Sanusi (1967 : 280), adalah berkait rapat dengan aqidah Islamiyyah, bertalian dengan pandangan hidup Muslim, berhubungan dengan akhlak Islam, berpautan dengan pola dan asas-asas kemasyarakatan Islam serta meliputi juga prinsip-prinsip perjuangan Islam. Dalam erti kata lain, integrasi ummah seperti juga komunikasi dakwah, adalah sangat berhubungan dengan aqidah, syariah dan akhlak Islam.

Usaha mewujudkan integrasi ummah yang ideal dan murni tidak akan tercapai hanya sekadar mempertemukan golongan-golongan umat Islam dalam titik persamaan kepentingan masing-masing sahaja. Jauh daripada itu, ianya meliputi usaha-usaha menyeluruh, melibatkan aqidah, pandangan hidup, mentaliti, tata susila kehidupan, organisasi kemasyarakatan dan perancangan perjuangan. Atau dengan makna lain, integrasi ummah bererti kembali kepada kemurnian ajaran-ajaran Islam, yang dapat dilaksanakan melalui komunikasi Islam.

Perpaduan, yang merupakan salah satu istilah dalam menerangkan maksud integrasi ummah, dapat diwujudkan sekiranya semua pihak yang terlibat bersedia melakukannya dengan hati ikhlas dan terbuka. Melalui komunikasi dakwah dan kepimpinan Islam, program-program bagi mengembalikan integrasi ummah dapat dilaksanakan.

Dalam konteks masyarakat Islam semasa, banyak program dapat dilakukan ke arah mencapai tujuan tersebut. Namun, program-program tersebut hendaklah bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah dan dipraktikkan selaras dengan kehendak syarak.

Dalam hal tersebut, Shalahuddin Sanusi (1967 : 322) menyatakan bahawa penggalian konsep dari al-Quran dan al-Sunnah melahirkan kaedah-kaedah *Jamaah Islamiyyah* (masyarakat Islam) yang meliputi asas-asas kesatuan ummah, kaedah-kaedah kepimpinan serta keorganisasian *Jamaah Islamiyyah*.

Menurutnya lagi (Shalahuddin Sanusi 1967 : 322-323), asas-asas kesatuan atau integrasi ummah adalah terdiri daripada sepuluh tunjang utama iaitu :

1. *Tauhidullah* : iaitu mengesakan Allah dan menjadikan Allah sebagai tujuan hidup serta segala bentuk kebaktian masyarakat Islam.
2. *Ukhuwwah Islamiyyah* : iaitu persaudaraan Islam dengan adab sopan santun, norma-norma dan kod etikanya mengenai sikap perhubungan zahir serta batin antara sesama Muslim.
3. *Musawah* : iaitu persamaan dan kesamarataan atas dasar agama, atas dasar manusia sebagai makhluk dan hamba Allah, dan atas dasar kesatuan kemanusiaan.
4. *Musyawarah* : iaitu sebuah institusi yang mengawasi serta menyatukan seluruh pemimpin umat Islam dalam menyuarakan pendapat dan mendapatkan kesatuan pandangan.
5. *Ta'awun* : iaitu sikap saling membantu dalam menggembelingkan potensi ke arah menegakkan kebijakan dan taqwa.
6. *Takafulul Ijtima'i* : iaitu perasaan tanggungjawab bersama atas segala yang berlaku ke atas sesama umat Islam.

7. *Jihad, Ijtihad dan Amal* : iaitu perjuangan dalam apa jua bentuknya ke arah meninggi serta menegakkan Kalimah Allah.
8. *Fastabiqul Khairat* : iaitu berlumba-lumba ke arah kebaikan dan kebajikan di jalan Allah.
9. *Tasamuh* : iaitu toleransi, saling menghormati dan menghargai sesuatu yang baik daripada orang lain, seterusnya menerima pakai kebaikan tersebut dengan hati terbuka.
10. *Istiqamah* : iaitu disiplin dan konsistensi dalam meneruskan perjuangan di jalan Allah dengan penuh kejujuran serta keikhlasan zahir dan batin kerana Allah.

Dengan mengambil iktibar daripada *Sirah Rasul* dan *Tarikh Islami*, usaha ke arah perpaduan ummah dapat dilakukan berlandaskan asas-asas tersebut. Menginsafi keperitan serta kelemahan hidup masyarakat Islam yang telah terpisah kepada pelbagai daerah geografi dan ideologi sepatutnya menjadikan integrasi ummah sebagai tanggungjawab bersama setiap individu mukallaf.

Berlandaskan asas-asas kesatuan ummah tersebut, program-program seperti syura, pengkaderan, pendidikan, pentarbiyan, perancangan strategik dan sebagainya, perlu diatur serta dilaksanakan dengan penuh kebijaksanaan serta keikhlasan.

Seperti juga komunikasi dakwah dan kepimpinan, setiap individu Muslim perlu merasakan bahawa integrasi ummah adalah tanggungjawab bersama, serta berusaha keras ke arah merealisasikannya .

Diskusi dan syura perlu dilaksanakan dari masa ke semasa dengan mematuhi segala adab-adabnya. Bermula dengan diskusi di peringkat bawahan sehingga syura di peringkat atasan, setiap anggota komuniti Islam perlu mengamalkan sunnah tersebut dalam kehidupan mereka. Ini kerana, kedua-duanya merupakan antara laluan utama ke arah mewujudkan integrasi ummah dan membentuk ketahanannya.

Generasi baru perlu diberikan suntikan mengenai hakikat integrasi ummah yang sebenarnya menerusi saluran pendidikan dan pentarbiyanan, agar akhirnya dapat melahirkan generasi yang bersatu, setidak-tidaknya dari sudut kefahaman keagamaan. Mereka adalah kader-kader yang bakal membentuk masyarakat Islam yang bersatu dari segala aspeknya pada suatu masa nanti.

Kesatuan umat Islam sebenarnya tidak menghalang kehidupan bersama dengan masyarakat bukan Islam. Hak-hak asasi mereka sentiasa terpelihara selagi mana ketaatan diberikan kepada pemerintahan Islam, seperti mana yang dapat dipelajari daripada *Sirah Rasul* dan sejarah umat Islam masa lalu.

Semua pihak perlu berlapang dada dalam melaksanakan setiap program yang dirancang dengan meletakkan kepentingan ummah sebagai keutamaan dan mengenepikan segala bentuk kepentingan lain, sejajar dengan kaedah *Maqasid al-Syariah* iaitu maslahat umum (kepentingan dan kebaikan bersama) perlu diutamakan daripada maslahat khusus (kepentingan dan kebaikan pihak tertentu) (Izzuddin Abd al-Aziz ibn Abd al-Salam Al-Sulami t.th. : 1 : 71). Selebihnya bertawakkal sahaja kepada Allah, seperti yang disarankan oleh Allah dalam Surah al-Imran ayat 159.

5.4 KESIMPULAN :

Komunikasi dalam perspektif Islam adalah sentiasa berkait rapat dengan dakwah dan kepimpinan. Persamaan-persamaan yang wujud antara komunikasi, dakwah dan kepimpinan menjadikannya sebagai gabungan serasi yang tidak dapat dipisahkan sama sekali. Tanpa komunikasi dan dakwah, kepimpinan tidak akan dapat berlangsung dengan baik, seterusnya akan membawa ke arah kegagalan pencapaian matlamat yang telah ditentukan.

Diskusi dan syura, sebagai teras dalam kepimpinan, juga memerlukan kebijaksanaan komunikasi dalam perlaksanaannya. Dengan pelbagai syarat serta adabnya yang tersendiri, diskusi dan syura memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Islam. Ianya meliputi segenap aspek dan peringkat tanggungjawab kehidupan manusia, sama ada di peringkat rumah tangga, organisasi, komuniti, negara dan antarabangsa.

Keutuhan Peradaban Islam pada masa lampau banyak bergantung kepada kewujudan integrasi di kalangan sesama umat Islam dan di antara umat Islam dengan masyarakat bukan Islam. Integrasi ummah perlu dihidupkan kembali dalam masyarakat Islam yang telah terpisah oleh sempadan geografi dan ideologi, dalam usaha meneruskan perkembangan serta keutuhan Peradaban Islam.